

**LEKA MAIN: PUISI RAKYAT IBAN - SATU ANALISIS
BENTUK DAN FUNGSI**

CHEMALINE ANAK OSUP

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2006

**LEKA MAIN: PUISI RAKYAT IBAN - SATU ANALISIS
TENTANG BENTUK DAN FUNGSI**

oleh

CHEMALINE ANAK OSUP

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Kedoktoran Kesusasteraan**

Jun 2006

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa setinggi-tinggi penghargaan yang khas dan ikhlas kepada penyelia saya, iaitu Profesor Madya Dr. Noriah Bte Taslim dan Dr. Jelani Harun, kerana telah memberi nasihat, bimbingan, kesabaran tenaga, kerjasama, bantuan dan dorongan kepada saya untuk menghasilkan tesis PhD ini. Mereka telah memberi tunjuk ajar dengan sepenuh hati. Pandangan serta kritikan mereka yang membina telah menjadi panduan kepada saya bagi menghasilkan buku ini. Dengan terhasilnya tesis ini, ia memberikan satu lagi sumbangan dan faedah bersama kepada kemajuan dan perkembangan penyelidikan dalam bidang kesusasteraan etnik Iban di Sarawak.

Rakaman penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada isteri saya, Maryak Luching yang sentiasa memberi galakan dan dorongan. Didedikasikan tesis ini istimewanya buat adik-adik saya di Ensebang Sg. Burak Balai Ringin yang telah memberi semangat dan segala sokongan yang dihulurkan kepada saya dengan penuh keikhlasan.

Akhir kata, saya amat menghargai jasa baik Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia atas segala bantuan yang dihulurkan. Semoga dunia kesusasteraan tanah air terus disemarakkan lagi dengan terhasilnya tesis ini.

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB SATU : PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Asal Usul Masyarakat Iban	1
1.2 Puisi Rakyat Iban: <i>Leka Main</i>	15
1.3 Tinjauan Kajian Lalu	36
1.4 Pernyataan Masalah	42
1.5 Objektif Tesis	43
1.6 Fokus Kajian	43
1.7 Metodologi	44
1.8 Unjuran Bab	51
BAB DUA : LEKA MAIN – BENTUK DAN GAYA BAHASA	54
2.0 Pengenalan	54
2.1 Bentuk <i>Leka Main</i>	54
2.1.1 Baris dan Rangkap	55
2.1.2 Rima	66
2.1.3 Elemen <i>Polysyndeton</i>	76
2.2 Gaya Bahasa Dalam <i>Leka Main</i>	79
BAB TIGA : LEKA MAIN – STRUKTUR BINAAN TEKS DAN PERSEMBAHAN	111
3.0 Pengenalan	111
3.1 Struktur	112
3.1.1 Prolog	113
3.1.2 Bahagian Isi	134
3.1.3 Epilog	149
3.2 Persembahan <i>Leka Main</i>	155

BAB EMPAT : FUNGSI KESTABILAN EMOSI DAN SOSIAL	174
4.0 Pengenalan	174
4.1 Fungsi Kestabilan Emosi	175
4.1.1 <i>Leka Main</i> Untuk Meluahkan Rindu Dendam	177
4.1.2 <i>Leka Main</i> Untuk Menyampaikan Rintihan Dan Keluhan	190
4.1.3 <i>Leka Main</i> Untuk Hiburan Kanak-Kanak	195
4.1.4 <i>Entelah: Teka-Teki</i> Untuk Hiburan	199
4.2 Fungsi Untuk Kawalan Sosial	202
4.2.1 <i>Leka Main</i> Untuk Memuji	203
4.2.2 <i>Leka Main</i> Untuk Memberi Motivasi	206
4.2.3 <i>Leka Main</i> Untuk Mendidik Dan Menyindir	208
4.2.4 <i>Leka Main</i> Untuk Memperihalkan Pembangunan Masyarakat	212
4.3 Fungsi Ekonomi Untuk Kestabilan Sosial	214
4.3.1 <i>Leka Main</i> Sebagai Puisi Kerja: <i>Ensera</i> Dan <i>Renong Semain</i>	215
 BAB LIMA : FUNGSI ADAT DAN ACARA	 230
5.0 Pengenalan	230
5.1 <i>Renong Adat</i> Untuk Acara Dan Istiadat	230
5.1.1 <i>Renong Kayau</i> Dan <i>Sabung</i> Untuk Ekspedisi <i>Ngayau</i> Dan Aktiviti Melagikan Ayam	231
5.1.2 <i>Renong</i> Untuk “Memasukkan Buah” Ke Dalam Bilik	233
5.1.3 <i>Renong</i> Untuk Acara “Mempertahankan Kota”	237
5.1.4 <i>Renong</i> Untuk Acara “Membuka Kota”	240
5.2 <i>Tanya Indu</i> Untuk Istiadat Meminang	243
5.3 <i>Dungai</i> Untuk Adat Menyarungkan Cincin Ke Jejari Pengantin	248
5.4 <i>Pantun</i> Untuk Adat Memberi Minum <i>Tuak</i>	252
5.5 <i>Ganu</i> Untuk Adat Menyambut Dan Meraikan Tetamu	256
5.6 <i>Naku Pala</i> Untuk Istiadat Menyambut <i>Antu Pala</i> Daripada Pahlawan	259
5.7 <i>Ai Anshah</i> Untuk Menjemput Tetamu Khas Yang Akan Berucap	268
5.8 <i>Geliga</i> Sebagai Peringatan Tentang Adat	270

BAB ENAM : FUNGSI KEUPACARAAN DAN KEAGAMAAN	281
6.0 Pengenalan	281
6.1 <i>Sampi</i> - Puisi Doa Untuk Memohon Keberkatan	281
6.2 <i>Pengap</i> – Invokasi Untuk Kehadiran <i>Petara</i>	288
6.3 <i>Timang Jalung</i> Untuk Menjemput <i>Semangat</i> Orang Yang Telah Mati	293
6.4 <i>Pelian</i> Untuk Ritual Perbomohan	303
6.5 <i>Sugi Sakit</i> Untuk Penyembuhan Penyakit	309
6.6 <i>Sabak</i> Untuk Meratapi Pemergian Orang Yang Meninggal Dunia	314

BAB TUJUH: RUMUSAN KAJIAN	333
7.1 Rumusan Kajian	333
7.2 Kesimpulan dan Cadangan	348

SENARAI RUJUKAN	349 - 356
LAMPIRAN	357 - 389

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
1.1 Lampiran A: Contoh Borang Soal-Selidik	357 - 358
1.2 Lampiran B: Contoh Format Pemerhatian Tanpa Penglibatan	359 - 360
1.3 Lampiran C: Peta Lokasi Kawasan Kajian	361
1.4 Lampiran D: Persembahan <i>Leka Main</i>	362 - 371
1.5 Lampiran E: Peralatan Yang Digunakan	372 -380
1.6 Lampiran F: Tokoh-Tokoh Pemuisi	381 - 385
1.7 Lampiran G: Burung-Burung Omen Dalam Sistem Kepercayaan Masyarakat Iban	386 -389

LEKA MAIN: PUISI RAKYAT IBAN - SATU ANALISIS TENTANG BENTUK DAN FUNGSI

ABSTRAK

Tesis ini ialah satu usaha untuk menganalisis puisi rakyat Iban yang dikenali sebagai *leka main*. Ia mempunyai dua tujuan utama – pertama, menganalisis bentuk, stail dan struktur *leka main*. Kedua, mengkaji fungsinya dalam masyarakat Iban dan mengategorikannya mengikut fungsi-fungsi yang berbeza. Sebagai satu bentuk seni sosial, *leka main* perlu dianalisis dalam konteks persembahannya. Selain melihat bentuk, stail dan struktur, tesis ini juga mengkaji beberapa aspek persembahan *leka main* termasuk audiens, mod dan gaya persembahan, peralatan muzik dan peralatan lain yang berkaitan. Untuk menganalisis fungsi *leka main* dalam masyarakat Iban, tesis ini memanfaatkan idea dan pandangan fungsionalis dalam sosiologi sastera yang menekankan fungsi-fungsi sosio-budaya sastera. Sehubungan dengan pandangan fungsionalis ini, tiga fungsi *leka main* telah dikenal pasti – pertama, *leka main* yang menyumbang ke arah kestabilan sosial dan emosi seperti *pantun*, *jawang*, *ramban*, *sanggai*, *pelandai ara*, *pelandai karung*, *sugi*, *renong semain*, *ensera*; kedua, *leka main* yang berfungsi dalam adat dan acara budaya mereka seperti *renong adat* (*ngetanka kuta*, *muka kuta*, *namaka tuah*), *tanya indu*, *pantun meri ngirup*, *pantun peransang*, *tanya indu*, *geliga*, *naku pala*, *ai ansah* dan *ganu nyambut temuai*; ketiga, *leka main* yang membentuk sebahagian daripada sistem kepercayaan, upacara dan ritual seperti *sampi*, *pengap*, *timbang*, *pelian*, *sugi sakit* dan *sabak*. Sebagai penutup, tesis ini menekankan bahawa survival *leka main* dalam masyarakat Iban bergantung pada fungsi sosio-budayanya yang mengekal dan mengabadikan puisi ini sebagai tradisi yang ”hidup”.

**LEKA MAIN: IBAN FOLK POETRY - AN ANALYSIS
OF FORM AND FUNCTION**

ABSTRACT

This thesis is an attempt to study and analyze Iban folk poetry known as *leka main*. Basically it has two main objectives - the first is to analyze the form, style and structure of *leka main*; the second is to study its functions in Iban society, thus also categorizing it according to these functions. As a form of social art *leka main* needs to be studied also within the context of its performance. Thus, beside looking at its form, style and structure, the thesis also attempts to study various aspects of its performance which include a study of the audience, mode and style of presentation, the accompanying musical instruments and other paraphernalia. To analyze the functions of *leka main* in Iban society, the thesis appropriates ideas of the functionalists in the sociology of literature which among other things emphasizes on the socio-cultural functions of literature. In line with the functionalist view of literature, three functions of *leka main* could be identified – first, *leka main* that contributes to social and emotional stabilization such as *pantun, jawang, ramban, sanggai, pelandai ara, pelandai karung, sugi, renong semain, ensera*; second, *leka main* that functions in customs and traditions such as *renong adat (ngetanka kuta, muka kuta, namaka tuah), tanya indu, pantun meri ngirup, pantun peransang, tanya indu, geliga, naku pala, ai ansah dan ganu nyambut temuai*; third, *leka main* which forms part of belief system, rites and rituals such as *sampi, pengap, timang, pelian, sugi sakit* and *sabak*. As a conclusion, the thesis emphasizes the fact that the survival of *leka main* in Iban society is very much linked to its socio-cultural functions that help sustain it as a “lived” cultural form.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab pendahuluan ini akan membincang tentang asal masyarakat Iban di negeri Sarawak dan pelbagai jenis puisi rakyat mereka yang telah diperturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Dalam bab awal ini dimuatkan sedikit tinjauan kajian lalu tentang penulisan-penulisan yang terdahulu oleh pengkaji-pengkaji luar dan tempatan yang telah mengkaji budaya (termasuk puisi rakyat) masyarakat Iban di Sarawak. Seterusnya, bab ini akan menyatakan pernyataan masalah, objektif tesis, fokus kajian, metodologi dan sedikit unjuran bagi tiap-tiap bab.

1.1 Asal Usul Masyarakat Iban

Suku kaum Iban ialah penduduk pribumi yang terbanyak di Sarawak yang dikenali sebagai Bumi Kenyalang (Numpang, 1989). Pada zaman pemerintahan Rajah Brooke, Sarawak disebut sebagai Bumi Pematang Kepala. Negeri Sarawak mempunyai 23 etnik utama dan berpuluh-puluh lagi suku kaum pribumi kecil-kecil yang kesemuanya menganut pelbagai agama, kepercayaan dan mempunyai adat resam serta budaya masing-masing menuturkan bahasa dan dialek yang berbeza-beza mengikut daerah-daerah kediaman mereka di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Dua puluh tiga etnik bumiputera yang utama di Sarawak ialah *Dayak Iban* (Iban Skrang, Iban Miri-Bintulu-Limbang, Iban Saribas, Iban Batang Rajang, Iban Undop, Iban Lemanak dan Iban Malikin), *Melanau* (Seduan, Segalang, Belium, Bintulu, Segahan, Matu/Mato Daro, Oya, Mukah, Rejang, Igan, Siteng, Tatau, Balingian, Kanowit, Sekapan, Kejaman, Lahuna, Banyok), *Bidayuh* (Orang Biatah, Bukar–Sadong, Bau–Singghi-Jagoi, Selakau dan Lara), *Kenyah* (Orang Batu Biah, Murik, Lisong,

Sebob, Sipang, Long Kipat, Lepu Aga, Lepu Tau, Nyamok dan Uma Kulit), *Melayu, Kedayan, Belait, Sebuyau, Kayan, Punan, Penan* (kumpulan yang masih nomadik), *Tebun, Bukat/Ukit, Bisaya, Baketan, La'en, Tagal, Lelak, Sian/Sa'an, Lugat, Lisun, Kelabit, Lun Bawang/Lun Dayeh (Murut)*. Kumpulan-kumpulan kaum ini tinggal di kawasan tanah rendah dan bahagian darat, kawasan tanah tinggi dan kawasan pesisir. Masyarakat Dayak Iban tradisional adalah penduduk pribumi yang paling dominan di Sarawak, diikuti oleh Dayak Bidayuh, kaum Melayu-Melanau dan lain-lain kumpulan etnik di atas yang lebih dikenali sebagai *Orang Ulu*.

Orang Iban tradisional dikenali sebagai Dayak Laut dan mereka berasal dari Kalimantan, Indonesia tetapi berpindah mereka ke Sarawak pada masa hampir sama dengan kedatangan bangsa Eropah ke Asia Tenggara (Kedit, 1984). Mereka memasuki Sarawak melalui Batang Air Kapuas, jalan masuk paling mudah bagi melintasi sempadan Sarawak-Kalimantan (Jensen 1966). Pada asalnya, menurut Sandin B (1956), *Sengalang Burong* (nenek moyang Orang Iban) dengan pengikutnya telah menduduki sepanjang kawasan Sungai Kapuas dan anak-anak sungainya di barat daya Pulau Borneo. Tetapi kemudian cucu Sengalang Burong yang bernama *Sera Gunting* lebih gemar mendiami Banjaran Tiang Laju di bahagian barat Pulau Borneo (Sarawak). Bagaimana pun, Sengalang Burong mengadakan persidangan dengan anak-anak buahnya di Merakai (salah sebuah anak Sungai Kapuas) untuk merancangkan perpindahan ke Batang Ai.

Sejarah telah menunjukkan bahawa masyarakat Iban berasal dari Kapuas, Indonesia (Richards, 1949) tetapi berpindah dari sana dan mula menetap di Kumpang (tempat tinggal mereka yang pertama di Sarawak). Sebahagian daripada mereka pula dipengaruhi oleh seorang pemimpin kaum Iban yang bernama *Lelang Belayan* untuk mengubah haluan ke hulu sungai Kumpang yang menghala ke Lubok Antu dan

Engkelili lalu menetap di kawasan Sungai Batang Lupar yang lebih dikenali sebagai Batang Ai (Batang Air). Dari Batang Ai, suku kaum Iban berpindah ke anak-anak sungai di Ulu Ai dan membuat rumah panjang mereka di Delok, Mepi, Jinggin, Engkari, Skrang dan Lemanak. Namun demikian, ramai di antara mereka yang berpindah lagi lalu menetap di Sungai Undup dan Wong Tempangau (Sandin B, 1994) di bawah pimpinan *Kajup*, dan mereka kini dikenali sebagai Iban Undup (diasosiasikan dengan nama tempat tinggal mereka). Kelihatannya, perpindahan awal Dayak Iban adalah amat berselerak di kawasan hulu sungai Batang Lupar dan Batang Saribas (Vinson, 1989) di Bahagian Sri Aman, dan perpindahan mereka ini telah berlaku sejak abad ke 19 dari Hulu Batang Lupar melalui sempadan Kalimantan menuju ke kawasan Rejang. (Victor, 1985).

Seorang lagi ketua suku kaum Iban iaitu *Gelungan* juga membawa pengikutnya keluar dari Merakai (sebuah anak sungai Kapuas) ke Undup dan mendiami Bukit Balau. Keturunan Gelungan kini disebut sebagai *Iban Balau* kerana menetap di kawasan Bukit Balau, penempatan terawal mereka di kawasan Sri Aman. Kemudian Gelungan berpindah sekali lagi ke Sebuyau dengan sebahagian pengikutnya, dan generasi mereka kini dikenali sebagai *Iban Sebuyau*. Walau bagaimanapun setelah kematian Gelungan, Iban Sebuyau berpecah dan ada yang berpindah ke Meredang Gayam, Lundu dan Samarahan. Ketua-ketua suku kaum Iban yang lain seperti *Lanong*, *Kanyong*, *Meringgai* dan *Manggi* telah membawa pengikut-pengikut mereka berpindah ke Rantau Langkong, Tanjung Merarang, Sungai Skrang dan Tisak, kesemua tempat ini berada dalam kawasan Sri Aman. Oleh demikian halnya, Sri Aman merupakan penempatan penduduk Iban terbanyak sekali, diikuti oleh Kapit, Kalaka (Saratok), Mukah, Kuching, Saribas(Betong), Baram, Song dan Sarikei. Bolehlah dikatakan bahawa pada keseluruhannya suku kaum Iban terdapat di seluruh pelusuk Bumi Kenyalang.

Masyarakat tradisional Iban seringkali berpindah kerana keperluan untuk “adapted to a habitat with distinct zones” (Vinson, 1978: 9). Maknanya, persekitaran telah mempengaruhi tindakan mereka untuk terpaksa mengadaptasikan diri dengan habitat (kehidupan) semulajadi. Menurut pendapat Vinson di atas, keadaan sekeliling telah mencabar mereka untuk berusaha mendapatkan makanan dan keperluan dalam kehidupan seharian.

Perpindahan kaum Iban yang begitu kerap sekali didorong oleh faktor-faktor seperti penerokaan tanah baru untuk tujuan survival, ekilogikal dan budaya mereka. Pertama, kejayaan berterusan dalam pertanian boleh meninggikan imej dan prestij serta keturunan mereka. Justeru, mereka memerah seluruh keringat dan bekerja keras untuk menambahkan hasil tanaman seperti padi, ubi, keledak, jagung dan sebagainya. Oleh hal demikian, apabila tanaman *berumai* (berhuma) tidak memberi hasil yang lumayan, hal ini akan menjatuhkan imej mereka (Vinson, 1978). Sebaliknya, jika berjaya mendapat hasil yang banyak, petani-petani tersebut akan dijemput ke *Gawai Padi* yang diadakan di sebuah rumah panjang lain “at which they produced blessing on the sponsors and other guests so that the latter might share good fortune” (Vinson, 1978: 26). Ini bererti budaya *berumai* bukan sekadar untuk memperoleh beras tetapi juga sebagai prestij dan kejayaan individu (Osman, 1989). Pendek kata, kejayaan bercucuk tanam boleh meninggikan status, imej dan martabat mereka dalam masyarakat Iban silam. Menurut Vinson (1978: 26), “success in rice farming has been described by Iban as prestige”.

Faktor ekilogikal turut menyebabkan perpindahan kaum Iban. Ini kerana terdapat banyak tumbuhan, ikan dan binatang buruan di dalam hutan tebal yang masih belum diterokai dahulu. Aktiviti non-hortikultur ini telah mengakibatkan perpindahan mereka ke lembah-lembah yang kaya dengan bahan makanan tersebut. Maka bolehlah

dianggap perpindahan itu berlaku sebagai satu desakan untuk tujuan survival (Vinson, 1978) bagi kaum Iban.

Seterusnya melalui faktor budaya, masyarakat Iban menghadapi persaingan dengan etnik bumiputera yang lain untuk menguasai kawasan pertanian, sungai dan kawasan perburuan. Contohnya, mereka berusaha mempertahankan kawasan tanah padi daripada dirampas oleh suku kaum lain. Apabila berlaku konflik kerana rebutan atau rampasan kuasa ke atas kawasan tanah pertanian, mereka akan berpindah ke tempat lain dan menerokai kawasan yang baru untuk bercucuk tanam. Mereka suka membuat petempatan di kawasan penanaman padi huma di atas bukit dan hidup secara berkelompok serta bekerjasama mempertahankan diri daripada ancaman dan musuh mereka.

Kaum Iban juga gemar *bejalai* (mengembara) untuk memperluaskan pengalaman atau memulakan penghidupan baru di tempat yang lain jauh dari kediaman asal mereka. Hidup berpindah randah kaum Iban demikian dikaitkan dengan keinginan untuk menonjolkan diri, mencari pengalaman baru, mencipta nama dan seumpamanya. Oleh sebab demikian, mereka suka mengembara ke tempat-tempat lain untuk mencari kehidupan baru yang lebih baik.

Orang Iban gemar tinggal di rumah panjang, satu fitur distintif organisasi sosial mereka. Sesebuah rumah panjang dihuni oleh kaum kerabat atau saudara mara mereka sendiri. Malah kehidupan di rumah panjang merupakan bukti nyata tentang kekukuhan keluarga dan kerjasama dalam kalangan mereka (Vinson, 1978). Rumah panjang didirikan kerana kekurangan tanah yang rata. Keadaan tanah tinggi dan berbukit bukau telah mencabar mereka untuk menyelesaikan masalah pembinaan petempatan. Oleh kerana demikian halnya rumah panjang dibina agar dapat menampung beberapa unit keluarga dan ia dibuat secara berbilik-bilik (Kadir, 1980). Dengan cara itu, masalah

kekurangan kawasan rata untuk mendirikan rumah dapatlah diatasi. Sehubungan dengan itu, kawasan tanah rata yang ada bolehlah digunakan untuk bercucuk tanam.

Rumah panjang juga didirikan kerana faktor keselamatan, iaitu bagi menghadapi binatang buas dan serangan musuh dalam ekspedisi *ngayau* (mencari dan memotong kepala musuh) terhadap masyarakat Iban pada zaman lampau. Dengan demikian mereka bukan sahaja merasa selamat tetapi lebih selesa dan yakin tinggal secara berkelompok dalam sebuah rumah panjang.

Selain itu pembinaan rumah panjang membolehkan masyarakat Iban menjimatkan bahan-bahan pembinaannya seperti bahan atap, dinding dan tiang kerana bahagian-bahagian itu boleh diperolehi secara berkongsi sebelah menyebelah bilik. Dengan demikian masalah kesukaran mencari bahan-bahan untuk membuat rumah dan segala kerumitan itu dapat dirasai dan diatasi bersama. Bagi suku kaum Iban, rumah panjang ialah suatu tempat kediaman yang lebih menyeluruh dan munasabah. Dengan kata lain, faktor kemiskinan juga menyebabkan suku kaum Iban gemar membuat rumah panjang.

Masyarakat Iban lebih selesa tinggal di rumah panjang. Kehidupan berkelompok di rumah panjang pula dapat mengeratkan lagi semangat kekitaan dan muhibbah di kalangan penghuninya. Apabila diadakan sesuatu pesta atau *gawai*, ia bukan diadakan secara keluarga atau individu tetapi sebagai satu upacara rumah panjang. Maka dalam keadaan kemelesetan ekonomi atau kekurangan makanan, hal demikian dapatlah menjimatkan perbelanjaan kerana *gawai* diadakan sebagai satu perkongsian yang munasabah.

Sesebuah rumah panjang terbahagi kepada tujuh bahagian (Jensen, 1974) seperti *bilek*, *sadau*, *ruai*, *tanju*, *dapur*, *padong* dan *tempuan*. *Bilek* ialah unit asas iaitu famili atau keluarga dalam organisasi sosial kaum Iban. Anggota *bilek* menjadi *suku juru*

kaban belayan (Vinson, 1978), iaitu kaum kerabat rumah panjang tersebut. *Sadau* yang terletak di atas *bilek* digunakan sebagai stor untuk menyimpan padi, benih padi dan alat-alat menanam padi seperti tikar, bakul, parang dan lain-lain alat keperluan keluarga (Freeman, 1970). *Ruai* ialah kawasan terbuka di rumah panjang, tetapi dipisahkan oleh tiang bumbung. Ia adalah tempat interaksi sosial masyarakat rumah panjang. Upacara-upacara rumah panjang seperti *beranyai* (*ngajat* atau menyanyikan *leka main* mengelilingi replika kayu yang menghasilkan pelbagai jenis buah seperti pokok kayu di *sebayan*), *niti daun* (berarak di *ruai* dalam sesuatu proses ritual), *ngerandang* (menari tarian *ngajat* khas untuk mengalu-alukan kehadiran makhluk halus), *timbang gawai* (menyanyikan puisi *timbang* semasa gawai) dan seumpamanya diadakan di *ruai*. *Ruai* juga adalah tempat ketua-ketua masyarakat Iban *baum* (bermesyuarat) dengan anak-anak buahnya di rumah panjang tersebut. *Tanju* ialah bahagian luar *ruai* yang dibina tanpa bumbung untuk menjemurkan hasil-hasil tanaman seperti lada, padi, getah dan sebagainya. Dapatlah dikatakan bahawa rumah panjang mempunyai beberapa fungsi asas seperti perkongsian pertahanan, keramaian dan sekaligus menjadi pusat pentadbiran undang-undang *adat*. Sehingga kini ciri-ciri kehidupan di rumah panjang terus berakar umbi dalam masyarakat masyarakat Iban.

Sesebuah rumah panjang diketuai oleh seorang *tuai rumah* yang menjadi ketua pentadbir dalam rumah panjang itu. Lazimnya, *tuai rumah* dipilih daripada warga tua yang berpengalaman dan berpengaruh di rumah panjang berkenaan. *Tuai rumah* bertanggung-jawab dalam semua pentadbiran rumah panjang, menguatkuasakan undang-undang atau adat (Jensen, 1974) dan menyelesaikan sebarang persengketaan di rumah panjang itu (Melling, 1988). *Tuai rumah* pula dibantu oleh *tuai burong* dan *tuai gawai* untuk menjalankan upacara-upacara keagamaan yang berkaitan dengan adat resam dan kepercayaan masyarakat Iban. Menurut Vinson & Sutlive (2001),

perlantikan *tuai rumah* bergantung kepada keberanian, harta, kemahiran berucap di depan khalayak, pengetahuan tentang adat resam dan ciri-ciri kepimpinan yang ada pada seseorang itu. Pengganti *tuai rumah* mungkin juga anak dia sendiri atau menantunya, mana-mana yang lebih berkebolehan.

The ascension of an individual to such a position is facilitated by attributes of wealth, bravery, skills in public speaking, knowledge of adat, the abilities to lead, among others: the position of tuai rumah is usually passed from father to son or to son-in-law in a particular bilik-family.

(Vinson & Sutlve, 2001a: 681)

Masyarakat Iban menganut dan mengamalkan *pengarap lama* iaitu kepercayaan tradisional dan mereka kerap mengadakan upacara-upacara ritual dan keagamaan yang berkaitan dengannya (Melling, 1988). Asal-usul *pengarap lama* ini ialah daripada Raja Durong (Sandin, 1964), dan ia melahirkan kepercayaan kepada *petara* (tuhan) mereka dan juga kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, semangat padi, fenomena alam, makhluk hidup dan objek tidak bernyawa. *Petara* disembah dan dipuja melalui upacara-upacara *miring* atau *bedara* (persembahan korban), *sampi* (puisi doa), *pengap* (zikir) dan *timang* (invokasi) semasa perayaan keagamaan untuk menyampaikan niat mereka. Mereka percaya bahawa Singalang Burong, Simpulang Gana dan Puntang Raja adalah Petara (Melling, 1988) yang memberi ajaran kepada mereka melalui mimpi. Selain itu, *petara* dan *antu* (makhluk halus) kerap diperkenalkan melalui cerita-cerita naratif seperti mitos tentang Seramugah (tuhan pencipta bumi), Segundi (tuhan pencipta air) dan Segundit (tuhan pencipta langit) yang kini masih terkenal. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban percaya pada nasib buruk baik dengan mendengar bunyi-bunyi burung seperti *ketupong*, *kikih* atau *embuas*, *beragai*, *papau* atau *senabong*, *pangkas* atau *kutok* dan *nendak* (Vinson, 1987). Kepercayaan tentang nasib dan buruk-baik sesuatu perkara adalah hasil daripada pengadaptasian masyarakat Iban terhadap alam semula jadi dan hubungan mereka dengan alam. Bertitik tolak daripada kepercayaan

tersebut, lahirilah juga kepercayaan terhadap *pengaroh* (azimat) dan *engkerabon* (ubat pelindung diri).

Kaum Iban amat unik dan kaya dengan adat dan kebudayaan yang tersendiri. Oleh demikian terdapat pelbagai perayaan yang merupakan upacara pemujaan untuk menyampaikan niat, memohon kebaikan dan berdoa kepada *petara*. Perayaan-perayaan ini dikenali dengan berbagai-bagai nama seperti *Gawai Batu*, *Gawai Burong* (*Gawai Kenyalang*), *Gawai Rumah Baru* (*Gawai Mangkong Tiang*), *Gawai Nama Ke Tajau*, *Gawai Antu*, *Gawai Ngemali Umai* dan lain-lain seumpamanya. *Gawai Batu* dianggap sebagai perayaan utama kerana kaitannya dengan tradisi berhuma masyarakat Iban (Melling, 1988). Tujuan *Gawai Batu* ini ialah untuk memohon keberkatan daripada *petara* untuk membersihkan tanah huma daripada gangguan serangga perosak dan penyakit. Maka ia bolehlah diadakan apabila mereka tidak mendapat hasil tuaian yang baik pada tahun sebelumnya. *Gawai Batu* juga diadakan setelah berpindah ke rumah panjang baru untuk memohon keberkatan, kemakmuran dan kesenangan hidup selama mereka menghuni rumah panjang tersebut. Dalam konteks ini, *Petara* yang dimaksudkan ialah Sempulang Gana Bujang Rangkang Kirai Raja Sua, manusia luar biasa yang dipercayai tinggal di kayangan. Menurut kepercayaan, Sempulang Gana ialah dewa atau pesuruh utama *petara* yang dilantik sebagai penjaga tanah, tempat mereka berhuma dan bercucuk tanam.

Gawai Kenyalang (*Gawai Burong*) diadakan sebagai penghormatan kepada Singalang Burong iaitu tuhan perang bagi masyarakat Iban tradisional (Sandin, 1977). Asal usul perayaan ini dikaitkan dengan kepercayaan tentang Aki Lang Sengalang Burong Jagu Menaul Tuntung (burung helang) yang ditugaskan oleh *petara* untuk memimpin segala kerja perang bagi masyarakat Iban kerana beliau memiliki semua jenis *pengaroh* (azimat). Oleh hal demikian, *Gawai Kenyalang* bolehlah diadakan

semasa atau sebelum ekspedisi *ngayau*. Ia juga boleh diadakan apabila seseorang pahlawan Iban menerima alamat daripada *petara* melalui mimpi untuk mengadakannya. Bagaimana pun, *Gawai Kenyalang* boleh diadakan sebaik sahaja seseorang Iban pulang daripada *bejalai* (mengembara) setelah memperoleh pendapatan lumayan atau barang yang berharga. Lazimnya upacara perayaan dijalankan di *tanju* (kawasan di luar *ruai*) kerana Singalang Burong dipercayai akan datang dan duduk bersama-sama dengan mereka semasa makan dan minum di sana.

Satu lagi perayaan yang penting bagi masyarakat Iban ialah *Gawai Antu*, iaitu satu upacara ritual sebagai penghormatan kepada orang yang telah mati (Vinson, 1989). Perayaan ini memerlukan perbelanjaan yang besar dan persediaannya mengambil masa dua hingga tiga tahun (Melling, 1988). Pada malam *Gawai Antu*, acara *ngalu petara* (mengalu-alukan kedatangan *petara*) diadakan di *ruai* (galeri rumah panjang) dengan cara mengadakan satu perarakan secara besar-besaran oleh pemuda-pemudi yang berpakaian tradisional. Menurut Melling (1988), mereka bergerak dari *bilek* ke *bilek* (satu unit keluarga di rumah panjang) dengan diriiringi muzik tradisional seperti *gegendang*, *setawak*, *bebendai* dan *engkerumung*.

Jika berlaku satu kematian di rumah panjang, saudara mara si mati akan datang ke rumah keluarga yang ditimpa kesedihan untuk menolong dan memberi sokongan moral. Kedua-dua pintu masuk utama ke dalam rumah panjang itu akan dilintangkan *alu* (kayu untuk menumbuk padi) sebagai tanda untuk menghalang *semangat* orang yang sudah lama mati daripada memasuki rumah panjang berkenaan dan membawa *semangat* orang yang masih hidup ke *Sebayan* (dunia baru) lalu mengakibatkan lebih banyak kematian di rumah panjang itu.

Mayat si mati kemudian dibawa keluar dari *bilek* ke *ruai* dan dilindungi dengan *sapat*, sejenis pendinding kain tenunan yang disebut sebagai *pua' kumbu*. Tujuan

meletakkan mayat dalam *sapat* ialah supaya kucing atau anjing tidak melangkahi atau memijaknya. Jika berlaku demikian, *semangat* si mati tidak akan dapat berehat dengan tenteram dan akan sentiasa memburu orang yang masih hidup. Justeru, perlulah sentiasa dijaga dengan rapi mayat tersebut oleh beberapa orang perempuan yang sudah berumur, yang akan duduk dalam *sapat* sehingga mayat itu dibawa keluar untuk dikebumikan pada awal pagi keesokannya. Pada malam itu juga, jumlah hari perkabungan dan segala pantang larang yang berhubung dengan kematian akan dibincangkan dan ditetapkan oleh ahli keluarga si mati dengan *tuai rumah* dan beberapa ketua masyarakat yang lain. Segala keputusan yang dicapai akan diumumkan kepada khalayak yang sedang berhimpun di rumah panjang itu.

Semua *baiya* (barang peribadi yang dipilih untuk kegunaannya di dunia baru, *Sebayan*) diletakkan berdekatan dengan mayat si mati. Mayat lazimnya berada di rumah selama tiga hari kerana menunggu kedatangan saudara mara atau waris yang tinggal di tempat yang jauh. Pada malam terakhir mayat berada di *ruai*, *tukang sabak* (jururatap) akan menyampaikan *sabak bebuah* (ratapan) yakni satu bentuk puisi kesedihan, sebelum mayat diusung keluar ke kuburan untuk dikebumikan pada hari keesokannya. *Tukang sabak* diberi upah berbentuk wang dan benda-benda lain seperti sedepa kain, *tajau* (balang), pinggan, parang atau kepingan besi dan seekor ayam.

Mayat dimasukkan ke dalam *santubong* (keranda) sebelum dikebumikan. Kemudian si mati itu akan *diberi makai* (diberi makan) untuk kali terakhir dengan cara memecahkan pinggan yang biasa digunakannya hingga menjadi serpihan-serpihan kecil lalu dibuang ke tanah bersama sedikit nasi dan lauk melalui lubang lantai *ruai* kepunyaan keluarga si mati. Sementara itu, di tanah perkuburan, satu upacara kecil, iaitu penyembelihan ayam terlebih dahulu dilakukan sebelum lubang digali. Darah ayam itu diusapkan atau disiramkan ke atas kawasan tanah kubur si mati untuk *genselan*

tanah (mententeramkan dewa-dewa tanah). Setelah selesai pengkebumian, sebuah pondok kayu kecil didirikan di atas kubur tersebut sebagai tempat untuk menyimpan *baiya* (barang peribadinya).

Selepas lima belas hari tempoh berkabung, upacara *ngetas ulit* (upacara menutup tempoh berkabung) dilakukan oleh seorang lelaki yang sudah berusia dan berstatus tinggi dalam masyarakat Iban. Upacara ini dijalankan samada sesudah matahari terbenam atau sebelum matahari terbit. Setelah diadakan upacara *ngetas ulit*, satu lagi upacara dilakukan iaitu *besserara bunga* (upacara memisahkan *semangat* yang sudah mati dengan orang yang masih hidup). Jika upacara *besserara bunga* tidak dijalankan, *semangat* si mati akan masih berada bersama-sama keluarganya, dan berkongsi makanan dengan keluarga itu. Hal demikian bukan sahaja menyebabkan *rua* (pembaziran) tetapi juga akan sering kali mengakibatkan ahli-ahli keluarga kurang sihat atau sakit. Upacara *besserara bunga* dilakukan oleh seorang *manang* (dukun) yang akan melagukan puisi *pelian besserara bunga* (untuk memisahkan *semangat* orang mati daripada orang yang masih hidup) – tujuannya untuk memberi kesedaran kepada *semangat* si mati bahawa ia tidak lagi boleh tinggal dengan masyarakat dunia tetapi harus tinggal di *sebayan* (dunia baru).

Secara keseluruhannya, hubungan sosial masyarakat Iban tradisional di rumah panjang terjalin melalui tanggungjawab terhadap kaum kerabat rumah panjang (Kedit, 1989). Keakraban hubungan sesama mereka dijalinan sejak kanak-kanak lagi melalui perasaan kasih sayang dan sikap saling bantu membantu tanpa dibatasi oleh perbezaan jantina. Budaya bekerjasama dan tolong menolong ini sudah sebatik dalam kehidupan kaum Iban seperti dilihat dalam keadaan apa sekalipun.

Masyarakat Iban sering kali digambarkan sebagai satu bangsa yang kejam, garang dan agresif. Ini kerana kisah *ngayau* (memotong kepala) telah dieksploitasi dan

disalahtafsirkan oleh orang Barat yang menggelar Sarawak sebagai Bumi Pematang Kepala. Sesungguhnya, tanggapan demikian amatlah tidak tepat kerana kaum Iban adalah satu bangsa yang sangat baik, penyayang dan pemurah (Melling, 1988). Sebenarnya *ngayau* dilakukan oleh orang Iban pada zaman silam semata-mata untuk tujuan mempertahankan diri daripada dicabar, dipermain-mainkan dan diganggu oleh kaum lain termasuk pencerobohan masuk orang asing seperti orang-orang Rajah Brooke dahulu. Bolehlah dikatakan bahawa masyarakat Iban hanya membunuh semasa *ngayau* (ekspedisi perang) sahaja, bukan pada sebarang masa sesuka hati. Lelaki Iban yang membawa balik kepala musuh akan mendapat *ensumbar*, iaitu gelaran nama (nama puji-pujian) seperti *Bujang Berani* (wira/pahlawan Iban) dan sebagainya.

Kepala musuh yang diperoleh akan diawet dan disalai, dan tengkorak ini dipanggil *antu pala* (trophi kepala) yang akan dijadikan harta pusaka keluarga berkenaan turun-temurun. *Antu pala* itu akan digantung di atas *bedilang* (dapur kecil) di *ruai* dan dipanaskan dengan api kecil supaya *antu pala* tersebut dapat berehat dengan tenteram. Pada hakikatnya, tidak semua musuh yang ditemui di medan perang akan dibunuh. Contohnya, wanita dan kanak-kanak hanya ditangkap dan dijadikan tawanan perang di rumah panjang tetapi diberi layanan yang baik, dan kemudian dijadikan ahli keluarga angkat melalui *adat mengiru hamba abdi* (istiadat mengangkat anak) atau *gawai betembang* (*gawai* mengangkat anak), iaitu satu upacara khas untuk mengesahkan tawanan berkenaan diangkat sebagai ahli keluarga oleh mana-mana famili yang sudi. Dengan demikian halnya, maka tidak wujud kelas hamba abdi dalam masyarakat Iban.

Ngayap (berjumpa gadis pada waktu malam) pula ialah satu amalan tradisi oleh lelaki bujang dan perempuan dara kaum Iban. Dalam amalan ini, si lelaki akan menemui perempuan yang disukainya di tempat tidur sebagai titik permulaan ádat

bercinta'mereka. *Ngayap* dilakukan pada larut malam, dalam keadaan senyap dan sulit tetapi bukan untuk mendapatkan kepuasan seksual. Percintaan yang disemai melalui adat *ngayap* memberi peluang kepada lelaki dan gadis tersebut mengintimkan lagi hubungan cinta hingga ke junjung pelamin. Ekoran daripada adat *ngayap*, perkahwinan pasangan kekasih itu akan diatur oleh ibubapa kedua belah pihak setelah mereka berumur 21 tahun hingga 23 tahun (Sandin, 1976).

Sebelum perkahwinan dilangsungkan, rombongan pihak lelaki akan merisik dan melamar perempuan dengan menghantarkan perutusan yang disebut *bebungan ke jaku* (membawa hantaran). Apabila mendapat restu daripada pihak gadis perempuan, *nanya indu* (perutusan meminang) akan dihantar. Selepas itu baharulah *melah pinang* (perkahwinan secara besar-besaran) atau *beterang nikah* (perkahwinan secara kecil-kecilan) akan dilangsungkan (Melling, 1988). Majlis perkahwinan dilangsungkan dengan menjemput dan membawa pengantin perempuan ke rumah ibubapa pengantin lelaki dalam satu upacara yang dikenali sebagai *ngambi indu* (menjemput pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki). Apabila sampai di kawasan kaki tangga rumah panjang pengantin lelaki, upacara *miring* dilakukan. Dalam upacara miring tersebut, ritual *bebiau* (melafazkan *sampi* dengan mengibarkan ayam) oleh seorang Iban yang berusia dan berpengaruh. Dalam adat *bebiau* tersebut, beliau akan menggunakan ayam jantan yang dikibarkan perlahan-lahan di atas kepala pengantin sambil menjampi untuk mententeramkan alam yang kurang baik serta memohon kepada *petara* agar memberkati perkahwinan dan mengekalkan kebahagiaan mempelai dan kesejahteraan rumah tangga mereka. Sebaik sahaja selesai upacara perkahwinan itu, pasangan tersebut duduk bersama di *bilek* sendiri sebagai sebuah unit keluarga di rumah panjang (Melling, 1988).

1.2 Puisi Rakyat Iban: Jenis *Leka Main*

Puisi rakyat orang Iban di Sarawak disebut sebagai *leka main*. *Leka* maksudnya 'benih' (Bruggeman, 1987: 99) tetapi ia juga bererti 'perkataan' atau 'word', yakni sesuatu kata yang dicipta untuk lirik lagu, puisi dan ujaran. *Leka* dalam bahasa Iban bukanlah bermakna lalai, lengah atau asyik oleh sesuatu perkara (*Kamus Bahasa Melayu*, 1987). Manakala maksud *main* dalam bahasa Iban pula bukan sahaja melakukan sesuatu untuk menyenangkan hati, bersenang-lenang, bersuka-suka dan berehat tetapi juga merangkumi segala bentuk puisi yang dilafazkan untuk tujuan hiburan dan ritual (Richards, 1981). *Main* ini dilafazkan untuk mengiringi ritual semasa *gawai*, sebagai invokasi kepada dewa dan juga bagi tujuan memohon keberkatan dan penyembuhan. Boleh dikatakan *leka main* ialah satu puisi rakyat masyarakat Iban yang tersendiri. Oleh demikian, *leka main* bukanlah perkara main-main tetapi satu bentuk pengucapan yang terhasil dari imaginasi, daya cipta dan realiti budaya mereka yang mempunyai estetika, tema dan bentuknya yang unik dan tersendiri.

Leka main tersebar melalui lisan, maka ia bersifat lisan, diwarisi dan tersebar dari satu generasi kepada generasi secara turun-temurun. Ia juga bersifat kolektif dan fungsional kerana ada puisi yang terhasil daripada kegiatan ritual dan masih berfungsi untuk tujuan tersebut. Bentuknya masih terikat oleh konvensi tertentu dan keterikatan ini telah memberi perbezaan kepadanya daripada genre puisi tradisional etnik yang lain di Sarawak. *Leka main* ini ialah warisan daripada kehidupan primitif mereka iaitu lahir dalam masyarakat Iban tradisional yang berfahaman animisma atau pagan.

Puisi rakyat yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi ini ialah puisi lisan yang penting dalam sastera dan kebudayaan mereka. Masyarakat Iban mahir bermain dengan kata-kata dan sebenarnya mereka akan berasa amat bangga jika digelar *landik bejaku* (pandai berkata-kata) atau *bepantun* (berpuisi). Terdapat puisi rakyat yang

berkaitan dengan kepercayaan dan keagamaan seperti *sampi* (puisi doa), *sabak*, *sugi sakit*, *renong sakit*, *pengap*, *timbang jalung*, *pelian* dan seumpamanya (Jensen, 1964).

Satu tinjauan tentang puisi rakyat masyarakat Iban telah dibuat dan didapati bahawa masyarakat Iban mempunyai 46 buah teks puisi rakyat (Maxwell, 1989) dalam bentuk prosa dan puisi ditulis dalam bahasa Iban. Daripada jumlah bilangan teks sastera lisan yang telah dikumpul dan dikenal pasti itu, 33 buah teks berupa puisi dan 13 lagi dalam bentuk prosa. Boleh dikatakan bahawa kaum Iban agak kaya dengan puisi rakyat dan budaya warisan bangsa.


Leka main masyarakat Iban merupakan puisi perkataan yang lahir pada awal peradaban masyarakat Iban. Ia adalah satu bentuk kesusasteraan yang berkembang luas secara dinamis dan mapan. Pemikiran dalam *leka main* mencerminkan cara berfikir dan kepercayaan masyarakat Iban, iaitu memberi gambaran tentang cara hidup masyarakat mereka. Melalui *leka main* dapatlah diketahui corak pemikiran, pandangan hidup, kejadian yang berlaku, susunan masyarakat dan kepercayaan masyarakat Iban. Contohnya, dalam *leka main* seperti *ensera*, *sampi*, *pelian*, *pengap*, *timbang*, *pantun*, *jawang*, *ganu*, *dungai* dan *sanggai* terpancarlah corak kehidupan dan nilai-nilai hidup masyarakat Iban yang mendukungnya. Keadaan sekeliling telah menimbulkan corak pemikiran, ciri-ciri kebudayaan dan kepercayaan mereka sendiri. Puisi rakyat Iban ini adalah menarik dan indah ungkapan katanya dari segi bunyi, rentak, diksi, tekanan dan perulangan. Ia menggunakan bahasa yang indah untuk menceritakan kecantikan wanita masyarakat Iban, cara berpakaian, perhiasan dan seumpamanya. Bolehlah dikatakan bahawa masyarakat Iban mempunyai korpus sastera yang pelbagai. Steinmayer (1999) mengatakan bahawa pada masa lampau, *leka main* dipersembahkan secara lisan, dan Rubenstein (1973) mengakui bahawa tidak ramai lagi pemuisi yang mahir menzahirkan puisi rakyat ini.

In the past all this literature was oral, it existed through the voice and performance and survived and thrived in the memories of the people.Regarding the traditional forms, Iban uses both prose and verse.Poetry is remarkably well developed. Iban is a language, unlike English, which many thousands of rhymes are possible, and Iban poets use rhyme to create stanzas that are tightly woven and highly musical.

(Steinmayer, 1999:113)

Leka main mengisahkan pelbagai perkara tentang hal-hal ketuhanan, keperwiraan dan kehidupan seharian masyarakat Iban masa silam (Rubenstein, 1973). *Leka main* dan agama berkait rapat dengan tradisi naratif dan lisan masyarakat Iban. Menurut Steinmayer (1999: 113), “poetry and religion are still closely related in the Iban tradition”. Oleh sebab itulah, kebanyakan pemuisi masyarakat Iban adalah *lemambang* (pemuisi liturgikal). Misalnya, mereka melafazkan puisi yang dikenali sebagai *pengap* (zikir ritual), sebuah puisi Iban tradisional yang penting dalam temasya gawai dan juga *pelian*, iaitu puisi yang digunakan untuk mengubati orang yang sakit dan melindungi diri daripada *antu* (hantu), gangguan makhluk halus dan sebagainya. Tetamu yang sedang berada di sesebuah rumah panjang mungkin dijemput untuk turut serta dalam sesuatu ritual atau upacara *miring* atau *biau* (ritual yang dilangsung dengan iringan doa), iaitu satu bentuk *sampi* (puisi doa) masyarakat Iban. Contohnya, ketika *sampi* dilafazkan, *lemambang* akan mengibarkan seekor ayam jantan atas kepala khalayak yang berada di *ruai*.


Leka main ialah puisi rakyat Iban yang hidup dalam masyarakat Iban. Ini kerana *leka main* amat akrab dengan mereka khususnya dalam aktiviti harian, contohnya ia bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi juga berkait dengan acara adat-istiadat dan upacara keagamaan dalam budaya mereka. Terdapat 20 jenis *leka main* dalam masyarakat Iban dan semua jenis *leka main* itu akan dibincangkan mengikut fungsi-fungsinya yang berbeza dalam bab-bab yang menyusul.



Carta 1: Jenis-Jenis *Leka Main*

Carta di halaman 18 menunjukkan kategori dan jenis-jenis *leka main* yang terdapat dalam khazanah puisi rakyat Iban. Jenis-jenis *leka main* tersebut termasuklah *pantun, sanggai, ganu, jawang, ramban, sugi, dungai, pelandai, wa' anak, ensera, renong, geliga, ai ansah, tanya indu, naku pala, timang, pengap, pelian, sampi* dan *sabak*. *Pantun* boleh dibahagikan kepada lima jenis yakni *meri ngirup, puji, peransang, sayau* dan *serebana*. *Sugi* pula boleh dibahagi kepada dua, iaitu *sugi ensera* (disebut sedemikian kerana ia adalah *ensera* tentang Keling) dan *sugi sakit*. *Renong* boleh dibahagi kepada lima, yakni *ngayap, semain, sabung, kayau* dan *adat* yang boleh juga dibahagikan kepada tiga – *ngetanka kuta, muka kuta* dan *namaka tuah*. *Timang* boleh dibahagi kepada enam, yakni *jalung, anak, nyangkah antu, rumah, ai* dan *kenyalang*.

Kebanyakan *leka main* Iban ini masih relevan hingga kini kerana fungsi-fungsinya tertentu yang berbeza. Contohnya, terdapat jenis-jenis *leka main* yang berfungsi sebagai kestabilan sosial dan emosi (akan dibincang dalam bab 4) seperti *pantun, ganu, ramban, jawang, sugi, renong semain, ensera* (epik atau saga), *entelah, pelandai karung, dan pelandai ara*. Terdapat jenis-jenis *leka main* yang mempunyai fungsi sosio-budaya dari aspek adat dan acara keramaian (akan dibincang dalam bab 5) termasuk *renong adat, tanya indu, pantun meri ngirup, dungai ngerasukka tinchin, ai ansah dan geliga*. Seterusnya, ada *leka main* yang mempunyai fungsi yang berkait dengan upacara kepercayaan dan ritual (akan dibincang dalam bab 6) seperti *sampi, timang, pengap, pelian, sugi sakit, renong sakit* dan *sabak*. *Leka main* yang berkait dengan upacara kepercayaan dianggap mempunyai kuasa untuk ritual invokasi kepada *petara* mereka semasa *gawai* tertentu. Tiap-tiap *leka main* itu penting kerana fungsi-fungsinya yang tersendiri, malah puisi demikian wujud kerana fungsi-fungsi berkenaan. Tanpa fungsi demikian, *leka main* akan mati dengan sendirinya. Sebagai contoh, puisi *naku pala* (atau *sangkah*) telah ‘mati’ dengan sendirinya kerana masyarakat Iban moden tidak lagi mengamalkan ekspedisi *ngayau*. Oleh kerana puisi rakyat Iban mempunyai fungsi-fungsi sosio-budaya yang berbeza, *leka main* berkenaan boleh dibahagikan kepada dua sifat utama seperti yang dicartakan di halaman 20.



Carta 2 : *Leka Main* Yang Bersifat Sekular dan Sakral

Seperti dilihat dalam carta pada halaman 20, jenis-jenis *leka main* boleh dibahagi kepada dua sifat, yakni yang bersifat sekular dan sakral. Di antara jenis *leka main* yang bersifat sekular termasuklah *pantun, sanggai, ganu, ramban, dungai, pelandai ara, pelandai karung, ensera, renong semain, entelah, sugi, tanya indu, geliga, renong adat, ai ansah, jawang, wa' anak* dan *naku pala*. Puisi-puisi berkenaan dianggap tidak serius dan sesuai untuk menghiburkan khalayak pada masa lapang atau waktu bekerja seperti *ensera dan renong semain*. Jenis-jenis *leka main* yang bersifat sakral seperti *sampi, renong kayau, renong sakit, pengap, timang, pelian, sugi sakit* dan *sabak* dianggap serius kerana dianggap magis dan sesuai untuk ritual invokasi kepada *petara* mereka seperti Singalang Burung, Sempulang Gana, Anda Mara, Segangga Gunggung, Ini Andan, Selampandai, Menjaya Manang dan makhluk-makhluk halus yang dipercayai dapat memelihara kehidupan mereka, memberi perlindungan dan keberkatan kepada mereka.

Pantun ialah satu jenis puisi rakyat Iban masih terkenal hingga kini. Ia dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan juga pada hari keramaian untuk tujuan memuji, memberi motivasi dan meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan. *Pantun* Iban bukanlah seperti pantun empat kerat kepunyaan masyarakat Melayu, tetapi “a rapid speech-like, rhythmically free singing on one tone” (Maceda, 1962: 490). *Pantun* puisi yang dinyanyikan dalam pola rima (pola rima).

Selain *pantun*, puisi rakyat Iban yang lain seperti *sanggai, dungai, ganu, jawang, pelandai ara, pelandai karung, timang anak*, dan *ramban* juga dinyanyikan bila hati bersedih, pilu, kecewa atau menderita ditinggalkan kekasih. *Leka main* yang masih terkenal sebagai lagu kasih ialah *sanggai* yang dinyanyikan oleh teruna dan dara yang sedang bercinta. Bagaimana pun, *sanggai* juga dinyanyikan untuk memberi minuman *tuak* kepada tetamu berlawanan jantina bagi menjemputnya minum. Contohnya,

seorang gadis Iban akan memegang segelas besar *tuak* sambil menyanyikan *sangai* di depan seorang tetamu lelaki, dan selepas nyanyian itu, *tuak* tersebut akan diberi kepadanya untuk diminum. Dalam puisi tadi gadis itu menyatakan bahawa bukan dia tetapi sebenar-benarnya ialah Keling atau Kumang (wira dan wirawati mitikal dalam masyarakat Iban) yang menjemput tetamu itu minum *tuak* tersebut. Jika tetamu tersebut seorang yang pandai *bepantun* (menyanyikan *pantun*), dia bolehlah membalas *pantun* tersebut untuk hiburan semata-mata.

Renong boleh dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut fungsi yang khusus seperti *renong kayau*, *renong semain*, *renong ngayap*, *renong sabung* dan *renong adat* (termasuk dalam *renong adat* ialah *renong namaka tuah*, *renong ngetanka kuta* dan *renong muka kuta*). Penjelasan yang lebih lanjut tentang jenis *renong* akan dibincang dalam Bab 5 kelak. Secara umumnya *renong* ialah satu bentuk puisi rakyat Iban yang kompleks yang mengisahkan mitos tentang wira dan wirawati dari Orang Panggau, iaitu dewa-dewa dari kayangan yang sering membantu masyarakat Iban dalam perang dan pengembaraan pada zaman silam.

Apabila melagukan *renong*, penyanyinya kadang-kadang duduk pada ayun dan berhayun sambil menyanyi (Sandin, 1994). *Renong semain* dilagukan oleh pemuda lelaki Iban pada malam sebelum dia pergi ngayap. Oleh kerana ia dinyanyikan sebagai puisi cinta, ia juga dikenali sebagai *renong ngayap*. Ia dinyanyikan untuk hiburan pemuda lelaki dan perempuan Iban yang sedang bercinta. *Renong semain* masih terkenal di Saribas dan kebanyakan pemuisinya adalah golongan wanita. *Renong semain* dilagukan sebagai puisi kerja dan boleh juga untuk memuji tetamu yang bertandang ke rumah pengunjung.

Renong sabung dinyanyikan oleh *lemambang* yang dijemput pada malam sebelum aktiviti *sabong* (menyabung ayam) dilangsungkan keesokannya. Bagi

masyarakat Iban tradisional, aktiviti *sabung* adalah acara tahunan yang penting kerana ia menandakan permulaan aktiviti perhumaan mereka. Oleh demikian, ia diadakan pada waktu di antara aktiviti *nebas* (menerang) dan *nebang* (menebang). Dalam *sabung* tersebut, orang Iban dari hulu akan melagakan ayam tambatan mereka dengan ayam tambatan kepunyaan orang Iban dari hilir, masing-masing ada penyokong (Sandin, 1994). *Renong sabong* dinyanyikan sepanjang malam itu. Lemambang tersebut melalui puisi itu akan memanggil “*Orang Panggau heroes, in particular Keling, Laja, Sempurai, Tutong and Ngelai to bless the fighting cocks*” (Sandin, 1994: 59) yang akan dilagakan di dalam *kelang sabong* (gelanggang laga ayam) pada keesokannya.

Renong kayau ialah puisi perang yang dilagukan oleh orang Iban di kawasan Saribas pada zaman dulu sebelum mereka pergi untuk *ngayau* (menentang musuh) untuk menaikkan semangat juang mereka. Dalam *renong kayau* mereka memanggil *Orang Panggau* dari Panggau Libau di kayangan. *Orang Panggau* ini adalah wira mitikal yang dipercayai sering datang untuk membantu orang Iban dalam banyak hal.

*It called for Keling, Laja, Tutong and other Orang Panggau heroes to bless the warriors with success and to cause their enemies to be weak and blind during the coming attack.
.....A famous singing of the renong kayau song was performed by lemambang Renggi of Bangkit, Paku and lemambang Ragai of Stambak Ili, Layar, on the gravel bed at Nanga Ujong. This happened during the Rajah's campaign against the rebels at Bukit Ujong in the upper Rejang and is said to have been heard by more than a thousand warriors.
(Sandin, 1994:59)*

Selain *renong semain*, terdapat juga sejenis *renong* yang disebut sebagai *renong sakit* yang masih popular hingga kini dan lazimnya dua orang *lemambang* akan duduk pada *ayun* ketika melafazkan puisi ini. *Renong sakit* dikenali sebagai *renong nurun* ke *Menjaya*, iaitu “songs for calling down *Menjaya*, the shamanic god” (Sandin, 1994: 59)

kerana puisi ritual ini dilagukan untuk memanggil *Menjaya* dari kayangan supaya datang untuk menyembuh pesakit.

Satu lagi bentuk *leka main* yang agak terkenal pada satu ketika dulu iaitu *sugi*. Ada dua jenis sugi yang telah dikenal pasti – *sugi semain* yang dilagukan untuk hiburan dan *sugi sakit* yang dianggap suci (*sakral*) untuk tujuan penyembuhan. *Sugi semain* mengisahkan cerita tentang Keling (makhluk ghaib separa dewa) yang dikenali sebagai Bujang Sugi dalam *sugi* tersebut. *Sugi sakit* pula dilagukan untuk menyembuhkan penyakit. Apabila *sugi sakit* dinyanyikan untuk tujuan penyembuhan, keadaan ini disebut *besugi sakit*. *Lemambang* yang menyanyikan puisi ini duduk dia atas *ayun* “calling for Keling to enter this world and cure the patient” (Sandin, 1994: 68). Keling dipercayai akan melakukan mujizat termasuk menyembuhkan pesakit. Pada malam *besugi sakit*, pesakit dibaringkan di atas *meligai* (pelantar) yang didirikan di bahagian *ruai* (galeri) kepunyaan keluarga pesakit. Selepas nyanyian puisi ini, pesakit itu akan tidur di atas *meligai* tersebut, dan Keling dipercayai akan menjelma dalam mimpi pesakit bagi menyembuhkannya. *Sugi* juga dilagukan oleh *manang* (dukun) dalam aktiviti perbomohan yang hendak menangkap *semangat* si pesakit yang hilang *atau* ‘lari’ ke *Sebayan*.

Naku pala (juga disebut sebagai *sangkah*) adalah satu jenis puisi rakyat Iban yang dinyanyikan oleh wanita Iban ketika menyambut kepulangan para lelaki dari ekspedisi *ngayau*. Tujuannya ialah untuk meraikan kemenangan mereka dalam sesuatu peperangan atau serangan ke atas rumah panjang musuh mereka. Dalam acara menyambut kepulangan wira, isteri-isteri pahlawan berdiri di tangga dan menyambut (menerima) kepala musuh dari mereka. Trophi kepala ini diletak di dalam talam yang dilapik dengan *pua* kumbu dan beberapa orang wanita menari serta diikuti oleh perarakan di sepanjang *ruai* sambil membawa *antu pala* tersebut. *Taku* (lirik puisi *naku*